



**AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007**

**BUKU PANDUAN**  
**PENDAFTARAN**  
**PERTUBUHAN**  
**BELIA**

**PEJABAT PENDAFTARAN PERTUBUHAN BELIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA  
ARAS 4, MENARA KBS, LOT 4G4, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA**

## **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Buku Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk membantu orang ramai yang ingin menubuhkan pertubuhan belia dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mendaftarkan pertubuhan belia tersebut mengikut peruntukan dalam Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 serta Peraturan-Peraturan Pertubuhan Belia (Pendaftaran) 2007.
- 1.2 Buku Panduan ini juga diharap dapat meningkatkan kefahaman dan pengetahuan orang ramai khususnya golongan belia mengenai kaedah pengurusan dan pentadbiran pertubuhan belia selaras dengan peruntukan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 serta Peraturan-Peraturan Pertubuhan Belia (Pendaftaran) 2007.

## **2. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG BERKUATKUASA**

- 2.1 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007
- 2.2 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Belia (Pendaftaran) 2007

## **3. TAFSIRAN PERTUBUHAN BELIA**

- 3.1 Seksyen 2 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 memberi tafsiran ke atas pertubuhan belia sebagai mana-mana pertubuhan yang mempunyai ciri-ciri yang berikut:

(a) mempunyai nama yang mengandungi perkataan “belia” atau suatu perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpama atau sama dengan belia;

(b) kesemua anggotanya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun atau mana-mana gabungan atau kumpulan pertubuhan yang keanggotaannya hendaklah berumur tidak kurang daripada lima belas tahun dan tidak lebih daripada empat puluh tahun; dan

(c) mempunyai objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belia.

#### **4. KAEDAH MENUBUHKAN PERTUBUHAN BELIA**

- 4.1 Mengadakan satu mesyuarat penubuhan pertubuhan belia yang dihadiri oleh tidak kurang daripada 7 orang dan nama mereka hendaklah dicatatkan di dalam minit mesyuarat tersebut.
- 4.2 Mesyuarat penubuhan tersebut hendaklah membuat ketetapan atau resolusi berikut:
  - a) bersetuju menubuhkan pertubuhan belia
  - b) meluluskan nama pertubuhan belia yang akan didaftarkan
  - c) meluluskan tempat urusan (alamat) yang akan didaftarkan (Jika menggunakan alamat pejabat atau bangunan, surat kebenaran majikan atau tuan punya alamat hendaklah disertakan)
  - d) melantik Ahli Jawatankuasa Penaja untuk mengendalikan pendaftaran pertubuhan belia tersebut.
  - e) meluluskan Perlembagaan/ Kaedah-kaedah pertubuhan belia yang hendak didaftarkan
  - f) Mencatatkan perjalanan mesyuarat penubuhan pertubuhan belia tersebut (minit mesyuarat) serta ketetapan atau resolusi yang disebutkan di atas.

#### **5. KAEDAH MEMOHON PENDAFTARAN PERTUBUHAN BELIA**

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat di bawah seksyen 7(1), Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bagi pertubuhan belia yang baru ditubuhkan atau seksyen 7(3) bagi pertubuhan belia yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 serta setiap permohonan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - a) Dua (2) salinan Borang Permohonan Pendaftaran (*Borang PPB 01*) yang telah ditandatangani oleh dua (2) orang pemegang jawatan pertubuhan belia tersebut

- b) Stem bernilai RM30.00 yang dilekatkan di atas salinan pertama Borang PPB 01 (*bagi permohonan di bawah seksyen 7(1) iaitu permohonan oleh pertubuhan belia yang baru ditubuhkan sahaja*)
- c) Dua (2) salinan Perlembagaan/ Kaedah-kaedah pertubuhan belia yang telah diperakui betul oleh dua (2) orang pemegang jawatan pertubuhan belia tersebut
- d) Dua (2) salinan Minit Mesyuarat Penubuhan pertubuhan belia yang mengandungi ketetapan atau resolusi tersebut di atas (*bagi permohonan di bawah seksyen 7(1) iaitu permohonan oleh pertubuhan belia yang baru ditubuhkan sahaja*)
- e) Dua (2) salinan apa-apa bendera, lambang, lencana atau warna dan makna atau lain-lain tanda termasuk pengertiannya

Nota

*Di bawah seksyen 2 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007, pemegang jawatan ertinya mana-mana orang yang menjadi presiden atau naib presiden atau setiausaha atau bendahari sesuatu pertubuhan atau mana-mana cawangan pertubuhan, atau yang menjadi anggota jawatankuasa atau badan pengelola pertubuhannya atau mana-mana cawangannya atau yang memegang apa-apa jawatan atau kedudukan dalam pertubuhan itu atau cawangan sesuatu pertubuhan yang sama dengan mana-mana yang tersebut di atas.*

## **6. DI MANA UNTUK MENDAPATKAN DAN MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN**

6.1 Borang Permohonan untuk pendaftaran pertubuhan belia boleh didapati secara percuma di :

- a) **PEJABAT PENDAFTARAN PERTUBUHAN BELIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA  
ARAS 4, MENARA KBS, LOT 4G4, PRESINT 4,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62570 PUTRAJAYA  
Tel : 03-88713600/88713586 Fax:03-88901454**
- b) **JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI YANG TERDEKAT**
- c) **SEMUA PEJABAT BELIA DAN SUKAN KAWASAN/DAERAH  
YANG TERDEKAT**

6.2 Borang Permohonan juga boleh dimuat turun dalam Portal Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia iaitu **[www.roy.kbs.gov.my](http://www.roy.kbs.gov.my)**.

- 6.3 Borang Permohonan yang telah lengkap diisi boleh dihantar terus ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia, Putrajaya atau mana-mana Jabatan Belia dan Sukan Negeri atau Pejabat Belia dan Sukan Kawasan/Daerah yang terdekat.